



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Department of Fisheries Malaysia

Ministry of Agriculture and Food Security

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI

NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

62628 PUTRAJAYA

MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

SIARAN SEGERA

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(127)

SIARAN MEDIA

LEPAS IKAN ASING: DOF BERTEMU PENGANJUR PROGRAM

27 JUN 2024, PUTRAJAYA - Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil maklum berkenaan hantaran Facebook dimuat naik oleh Joranki bertarikh 26 Jun 2024 (Rabu), menunjukkan terdapat pihak telah melepaskan ikan patin Chao Praya (*Pangasius sanitwongsei*) ke Tasik Biru, Kundang, Rawang Selangor.

Tindakan proaktif telah diambil oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor dengan mengadakan pertemuan bersama pihak pengurus dan penganjur program. Penganjur memaklumkan ikan-ikan tersebut dilepaskan bagi program Pertandingan Memancing Parlimen Selayang @ Tasik Biru yang akan diadakan pada 29 Jun 2024.

Penganjur mengakui kekhilafan dan berjanji akan membuat tindakan pemberian dengan menyalurkan maklumat berkaitan larangan pelepasan ikan asing kepada pengunjung program dan memberi peringatan kepada peserta memancing untuk tidak melepaskan semula hasil tangkapan ikan asing ke dalam tasik/sumber air samada semasa atau selepas program.

Jaminan juga diberi oleh penganjur untuk memasang jaring pada laluan air keluar dari tasik bagi mengelakkan ikan asing terlepas ke perairan umum dan akan bekerjasama dengan DOF serta agensi lain bagi program-program mengeluarkan spesis ikan asing daripada tasik.

DOF juga ingin mengingatkan orang awam atau mana-mana pihak untuk tidak melepaskan anak-anak ikan atau ikan-ikan yang tergolong dalam kategori ikan pemangsa (invasif) dan juga dikenali sebagai "alien spesies" sewenang-wenangnya ke perairan umum, sungai atau tasik

"Orang awam atau mana-mana individu diminta berhubung dengan Pejabat Perikanan Negeri/Daerah bagi mendapatkan khidmat nasihat berkenaan pelepasan ikan. DOF juga akan membuat hebahan yang lebih menyeluruh kepada agensi lain serta pihak Berkua Tempatan (PBT) bagi mengelakkan isu sebegini terjadi berulang kali", Pengarah Perikanan Negeri Selangor, Noraisyah Abu Bakar.

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my